

02 APR 1997

Sukom-Jemputan

JEMPUTAN UNTUK NEGARA SERTAI SUKAN KOMANWEL BULAN INI

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Sukom Ninety Eight Berhad, penganjur Sukan Komanwel ke-16 di sini tahun depan, akan menjemput secara rasmi kesemua 70 negara anggota Komanwel untuk bertanding pada bulan ini.

Pengerusi Eksekutifnya Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali berkata jemputan itu akan dihantar kepada semua negara terbabit selepas satu majlis yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 April ini.

"Kita menjangka akan mendapat jawapan menjelang akhir tahun ini," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian antara Sukom dan Antah Holdings Berhad di sini hari ini.

Hashim berkata kesemua 70 negara Komanwel akan dijemput bagi menjadikan Sukan Komanwel 1998 di sini yang terbesar pernah diadakan dalam sejarah kerana 6,000 atlit dan pegawai dijangka hadir. Jika kesemua negara menyertainya, ia juga bakal mencipta rekod.

Antah Holdings menjadi ahli ketujuh dalam Program Rakan Sukom dan juga Rakan Emas ketiga apabila menyumbang sejumlah RM1 juta. Kumpulan itu diwakili oleh pengkerusinya, Tunku Dara Naquiah Tuanku Ja'afar manakala Hashim mewakili Sukom.

Selain Antah Holdings, enam lagi syarikat -- Resorts World Berhad, Sime Darby Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Ajinomoto, Island and Peninsular Berhad dan Kumpulan Sunway -- terlibat dalam program itu. Resorts World ialah satu-satunya Rakan Platinum kerana sumbangan melebihi RM5 juta.

Status Rakan Emas diberikan kepada syarikat yang menyumbang antara RM1 juta dan RM5 juta, Rakan Perak (RM500,000 hingga RM1 juta) dan Rakan Gangsa (RM100,000 hingga RM500,000).

"Sehingga kini, kita telah mengumpul kira-kira RM30 juta daripada program ini dan berharap lebih banyak syarikat sama ada tempatan atau luar negara yang akan menghulurkan sumbangan," katanya.

Hashim berkata Rakan Platinum dan Emas akan menikmati faedah eksklusif sewaktu temasya sukan itu berlangsung termasuk kemudahan korporat serba mewah, pentauliahn VIP, tiket premium untuk majlis pembukaan dan penutupan serta pengiktirafan rasmi terhadap sumbangan yang diberikan.

Program serupa dilaksanakan dengan jayanya sewaktu Sukan Komanwel diadakan di Victoria, Kanada tiga tahun lepas. -- BERNAMA

HRS HJ MAI